

# Pas mengaku kalah siang2 lagi - PM

UM 15 OCT 1990

Oleh

**Mohd. Nor Che Mat dan  
Kamaruzzaman Mohamad**

**S**EREMBAN 15 Okt. — Pas siang - siang lagi telah mengaku kalah di 61 kawasan sambil mengharap Parti Semangat 46 membantu mereka di 32 kawasan yang ia tandingi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dengan meletakkan calon di kawasan - kawasan itu bermakna Pas cuma percaya ia boleh menguasai 32 kawasan sahaja sedangkan *Harakah* (akhbar rasmi Pas) mendakwa parti itu mampu menang di 96 buah kawasan majoriti Melayu, katanya.

Menurutnya, dalam pilihanraya 1986 Pas telah meletakkan calonnya di 93 kerusi tetapi sekarang ia hanya bertanding di 32 kawasan sahaja.

"Ini bermakna ia sudah tahu akan kalah di 61 kerusi lain," katanya semasa berucap di perjumpaan dengan calon - calon dan jentera pilihanraya Barisan Nasional di sini.

Perdana Menteri berkata, kebelakangan ini pakatan parti - parti pembangkang semakin hilang pedoman dan berpecah setelah ramai pemimpinnya berpaling tadah.

Keadaan mereka bukan sekadar ibarat "basikal tayar gelong" malah lebih teruk dari itu di mana "banyak sekerunya jatuh."

"Sebenarnya ramai pemimpin parti lawan menyeberang menyertai UMNO atau sekurang - kurangnya menutup bilik gerakan mereka dan enggan bekerja lagi," ujar beliau.

Serentak itu Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat hendaklah menolak pemimpin - pemimpin yang bersikap tidak mengengam budi serta sanggup menggigit tangan orang yang telah membantu menaikkan mereka.

**LIHAT MUKA 2**

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### PAS MENGAKU KALAH SIANG2 LAGI

Menurut beliau, jika pemimpin - pemimpin seperti itu dipilih kemungkinan besar mereka akan melupakan rakyat selepas menang pilihanraya nanti.

"Dato' Rais Yatim, misalnya, yang telah dinaikkan menjadi Menteri Besar dan menteri kabinet sehingga dikenali ramai oleh UMNO sepatutnya berterima kasih kepada rakyat.

"Orang ini tidak kenang budi. Saya sendiri tolong dia naik, tapi hari ini dia gigit tangan saya," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sebelum itu, Dato' Sri Dr. Mahathir telah mengadakan perbincangan lebih satu jam dengan calon - calon BN Negeri Sembilan di kediaman Menteri Besar.

Perdana Menteri yang menyifatkan manifesto Gagasan Rakyat sebagai manifesto pancing undi berkata, ia bukan sahaja

tidak munasabah tetapi boleh merugikan negara dan rakyat seluruhnya.

"Mereka nak hapuskan cukai tetapi nak belanja banyak kena berhutanglah. Ada negara yang terlalu banyak berhutang akhirnya menjadi hamba kepada Bank Dunia," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Menurut beliau, semasa menjadi Menteri Kewangan dahulu, Tengku Razaleigh telah membelanjakan wang negara secara boros sehingga kerajaan terpaksa menanggung beban hutangnya hingga sekarang.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana Tengku Razaleigh membelanjakan \$4 juta hanya untuk menghias pejabat Menteri Kewangan yang didudukinya.